

<b>Headline</b>	<b>Pasar herba perlu diwujudkan</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Sinar Harian</b>		
<b>Date</b>	<b>04 Nov 2015</b>	<b>Color</b>	<b>Black/white</b>
<b>Section</b>	<b>Nasional</b>	<b>Circulation</b>	<b>279,000</b>
<b>Page No</b>	<b>11</b>	<b>Readership</b>	<b>837,000</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>100 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 862</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 2,586</b>



# Pasar herba perlu diwujudkan

**PUTRAJAYA** - Pasar herba, yang menjadi pusat sehenti menempatkan segala jenis herba berkualiti di Malaysia, dicadang diwujudkan di lokasi strategik untuk pasaran premium.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, industri herba tidak lagi harus dianggap sebagai perubatan alternatif yang sering dikaitkan dengan tempat-tempat menengah atau bawahan seperti di pasar-pasar.

"Pasar (herba) ini tidak seperti pasar biasa, kita mahukan ia selesa dengan penyaman udara seperti kedai ginseng di pusat membeli-belah terkemuka negara," katanya selepas merasmikan Persidangan Industri Herba 2015, semalam.

Ahmad Shabery berkata, kementeriannya dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim) akan berusaha

melahirkan satu atau dua juara herba yang boleh menjadi daya penarik orang ramai mempercayai produk dan rawatan herba yang lain di Malaysia.

"Kita mengenal pasti herba seperti Tongkat Ali dan Belalai Gajah yang berpotensi untuk dijadikan juara di kalangan pasaran herba di dunia," tambahnya.

Sementara itu, Ketua Pengarah Frim, Datuk Dr Abdul Latif Mohmod berkata, setakat ini pihaknya berjaya mengenal pasti 6,570 peserta industri herba termasuk pembekal, penanam, pengilang, pemborong dan peruncit.

"Mereka ini, kita kumpulkan dalam pangkalan data, SriHerba System yang memboleh dan memudahkan pihak yang berminat untuk mengakses maklumat mengenai produk dan perniagaan mereka," katanya. - Bernama